

27 JUN 2002

Muhyiddin-Pilihan raya

PERALIHAN KUASA DIHARAP BERI KESAN POSITIF KEPADA BN

KOTA KINABALU, 27 Jun (Bernama) -- Proses peralihan kuasa daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi diharap akan memberi kesan positif kepada Barisan Nasional (BN) di dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Anak Bukit dan Parlimen Pendang yang bakal diadakan.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata peralihan kuasa itu adalah antara faktor yang mungkin diambil kira oleh para pengundi dan diharap perkara yang masih segar di dalam ingatan mereka itu akan memberi kesan positif kepada BN.

Pilihan raya itu akan diadakan berikutan kematian wakil rakyat kawasan negeri Anak Bukit dan Parlimen Pendang yang juga Presiden PAS Datuk Fadzil Noor, Ahad lepas.

Muhyiddin berkata: "Apabila orang mendengar Perdana Menteri mengumumkan akan meletakkan jawatan seluruh negara terkejut dan saya percaya penduduk di kedua-dua kawasan itu tidak terkecuali dan menyedarkan mereka akan sumbangan Perdana Menteri kepada negara.

"Jadi saya harap mereka akan menterjemahkan penghargaan itu melalui undi untuk menunjukkan rasa cinta mereka kepada para pemimpin dan menyokong kerajaan. Inilah masa terbaik mereka boleh berbuat demikian," katanya selepas merasmikan Mahkamah Tuntutan Tribunal Pengguna Kota Kinabalu di sini hari ini.

Mengulas persiapan BN untuk menghadapi pilihan raya kecil itu, beliau berkata Umno dan BN telah pun menggerakkan Pergerakan Pemuda dan Wanitanya tanpa perlu menunggu pengumuman tarikh pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata: "Kita akan turun berikan penerangan dan mengatur gerak kerja jentera pilihan raya yang agak terancang dan tersusun. Kita tidak mahu peristiwa (pilihan raya kecil) Lunas berulang di kedua-dua kawasan Pendang dan Anak Bukit." Pilihan raya kecil Lunas, di Kedah, milik BN sebelum itu telah dimenangi oleh parti Keadilan.

Ditanya adakah Umno yakin akan merebut balik kedua-dua kerusi itu, beliau berkata: "Kita tahu kerana kedua-dua kawasan ini telah dikuasai oleh PAS dan presidennya, tentu kita tak boleh memandang rendah kerana pihak PAS mungkin menggunakan sentimen simpati seperti yang kita tahu."

"Justeru itu kita perlu terima hakikat bahawa ini satu saingan yang agak hebat tetapi kalau kita mengatur strategi kita dengan betul, tidak mustahil untuk kita menebus balik kekalahan dan mendapat kemenangan yang cemerlang, katanya.

-- BERNAMA

MK RON